Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	192,508	98,681	26,300	53,248
Penambahan/pengurangan dalam:				
Projek kemajuan hartanah	(541,534)	(197,569)	(451,551)	(38,899)
Inventori	(104,996)	(55,369)	(113,926)	(58,777)
Penghutang perdagangan	(33,729)	153,923	(49,799)	100,873
Muhibbah	(1,407)	419	—	—
Baki bank di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan), 1966	37,250	60,560	—	—
Simpanan tetap yang telah dicagarkan	19	19	—	—
Tuntutan kemajuan terakru/ belum dituntut	215,306	(477,716)	—	—
Lain-lain Penghutang, deposit dan bayaran terdahulu	(10,278)	(21,193)	18,333	18,065
Amaun terhutang oleh syarikat bersekutu	—	—	(1,225)	616
Penambahan/pengurangan dalam:				
Pemiutang perdagangan	(56,821)	(4,526)	(19,881)	(3,560)
Tuntutan kemajuan terdahulu	(168,641)	445,335	49,344	(26,618)
Amaun terhutang kepada bukan kawalan	(22,495)	(11,044)	—	—
Lain-lain pemiutang	77,337	36,121	46,171	(1,745)
Lain-lain rizab	(1,039)	2,590	778	931
<hr/>				
Tunai dihasilkan daripada operasi	(418,520)	30,231	(495,456)	44,134
Pembayaran cukai	(37,483)	(72,625)	(5,393)	(37,296)
Faedah dibayar	(73,336)	(41,676)	(55,005)	(24,286)
Pembayaran zakat	(4,734)	(6,523)	(3,793)	(4,883)
Pembayaran ganjaran persaraan	(286)	(231)	—	—
<hr/>				
Aliran tunai bersih dihasilkan dalam aktiviti-aktiviti operasi	(534,359)	90,824)	(559,647)	(22,331)
<hr/>				

	Kumpulan		Perbadanan	
	2017	2016	2017	2016
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pendapatan faedah	20,518	14,730	6,305	17,004
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan	5,229	5,452	3,952	3,588
Dividen diterima daripada syarikat subsidiari	—	—	9,312	235,329
Dividen yang diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu	—	—	116,052	43,207
Terimaan dari jualan hartanah, loji dan peralatan	1,803	5	1,803	5
Terimaan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan	10,230	1,178	—	—
Terimaan dari jualan pelaburan hartanah	3,002	5,455	3,002	5,455
Terimaan dari pelupusan pelaburan hartanah	—	5,549	—	—
Terimaan dari pelupusan lain-lain Pelaburan	—	5,444	—	—
Penambahan hartanah, loji dan peralatan	(100,040)	(66,253)	(21,258)	(49,160)
Pengurangan lain-lain pelaburan	523,304	274,884	505,000	274,884
Penambahan lain-lain pelaburan	(524,248)	(269,030)	(504,000)	(256,864)
Penambahan pelaburan hartanah	(48,207)	(2,391)	(3,145)	(1,035)
Penambahan/Pengurangan pelaburan portfolio	(3,239)	438	(3,927)	438
Terimaan dari pelupusan syarikat- syarikat bersekutu	144,120	184,502	—	—
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	—	—	(138,424)	(388,240)
Penambahan harta-hartanah	(140,676)	(22,096)	(1,151)	—
Pelupusan harta-hartanah	30,727	—	20,611	—
Penggunaan kos penutupan dan kos selepas penutupan	(941)	(54)	—	—
Pengurangan/Penambahan kepentingan bukan kawalan dalam syarikat subsidiari	(1,318)	(3,735)	—	—
Aliran tunai bersih digunakan/ dihasilkan daripada aktiviti- aktiviti pelaburan	(79,736)	129,078	(5,868)	(115,389)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Tambahan pinjaman	564,541	121,700	511,383	179,123
Penerimaan geran	15,894	—	—	—
Penggunaan geran	(14,262)	—	—	—
Bayaran balik pemiutang pajakan kewangan	2,165	356	—	—
Aliran tunai bersih dihasilkan/ digunakan daripada aktiviti- aktiviti pembiayaan	568,338	122,056	511,383	179,123

	Kumpulan		Perbadanan	
	2017	2016	2017	2016
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Penambahan/Pengurangan bersih dalam tunai dan persamaan tunai	(45,757)	160,310	(54,132)	41,403
Tunai dan persamaan tunai pada awal tahun	486,498	326,188	89,377	47,974
Tunai dan persamaan tunai pada akhir tahun (Nota 31)	440,741	486,498	35,245	89,377

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Kegiatan utama Perbadanan adalah memajukan bandar dan pekan baru, membangunkan tanah-tanah untuk tujuan perindustrian dan perumahan, dan pembinaan bangunan pelbagai jenis untuk dijual atau disewa.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 8.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku kepada kegiatan utama Perbadanan dan syarikat-syarikat subsidiarinya dalam tahun kewangan semasa.

Pejabat berdaftar Perbadanan dan pejabat utama perniagaan Perbadanan terletak di Bangunan Ibu Pejabat PKNS, No. 2 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

**1. ASAS PENYEDIAAN**

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (Pindaan 2014), Malaysian Private Entities Reporting Standards ("MPERS") dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos lampau kecuali seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Perbadanan dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan menurut MPERS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempunyai kesan ke atas penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan asas andaian disemak semula atas dasar berterusan. Semakan semula terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam tahun di mana anggaran tersebut disemak semula dan pada tahun-tahun terlibat di masa hadapan.



Secara khusus, bidang-bidang penting bagi ketidaktentuan anggaran dan penilaian kritikal dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting dalam menentukan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan dinyatakan dalam nota-nota berikut:

(i) Pendapatan

Pendapatan dari projek perumahan dan kontrak pembinaan diambilkira mengikut kaedah peratusan penyudahan kerja pembangunan berperingkat. Anggaran penyudahan kerja berperingkat, pendapatan dan kos masa depan dan kebolehkutipan bil peringkat siap diperlukan bagi menentukan kaedah peratusan penyudahan kerja pembangunan berperingkat. Belanjawan dan ramalan dalaman digunakan dalam anggaran ini. Hasil sebenar hanya akan diketahui apabila kontrak atau projek pembangunan selesai dan semua unit dijual kepada pelanggan, dan pendapatan sebenar ini tidak akan sama dengan perkiraan yang dibuat.

(ii) Susut nilai hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusut nilai berdasarkan kaedah garis lurus ke atas hayat kegunaan aset. Perubahan ke atas jangkaan tahap penggunaan akan memberi kesan kepada hayat berguna ekonomi dan nilai sisa aset tersebut, oleh yang demikian susut nilai masa depan boleh disemak semula.

(iii) Pendapatan cukai

Terdapat urus niaga tertentu dan perhitungan yang mana penentuan cukai akhir mungkin berbeza daripada anggaran awal. Kumpulan dan Perbadanan mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan pemahamannya tentang undang-undang percukaian yang lazim dan anggaran sama ada cukai tersebut akan dibayar dalam urusan biasa perniagaan. Jika cukai akhir berbeza dari jumlah yang pada awalnya diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh penentuan yang dibuat.

(iv) Klasifikasi pelaburan hartanah

Sebahagian hartanah terdiri daripada bahagian yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan modal, atau untuk kedua-duanya, dan sebahagian yang lain dipegang untuk digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barang dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Jika bahagian yang dipegang untuk penyewaan dan atau peningkatan modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan), Kumpulan mengklasifikasikan bahagian tersebut sebagai harta pelaburan. Jika bahagian yang dipegang untuk penyewaan dan/atau peningkatan modal tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai harta pelaburan hanya jika sebahagian kecil daripada harta itu dipegang untuk digunakan dalam pengeluaran atau bekalan atau barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sama ada apa-apa perkhidmatan sokongan adalah penting bahawa harta tidak layak sebagai harta pelaburan.

(v) Rosotnilai penghutang perdagangan

Rosotnilai diiktiraf apabila terdapat perubahan ke atas aset kewangan. Pihak pengurusan secara khusus mengkaji semula pinjaman dan penghutangnya dan menganalisis hutang lapuk terdahulu, perhatian pelanggan, kepercayaan kredit pelanggan, trend ekonomi semasa dan perubahan dalam terma pembayaran pelanggan apabila membuat pertimbangan dalam menilai kerugian rosotnilai. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, amaun dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian terdahulu untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan adalah berbeza daripada anggaran, perbezaan tersebut akan memberi impak kepada nilai penghutang yang dibawa ke hadapan.

(vi) Nilai Saksama Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

Nilai aset dan liabiliti kewangan ditentukan oleh nilai saksama, yang mana anggaran dan pertimbangan perakaunan digunakan. Sekiranya Kumpulan dan PKNS menggunakan kaedah pengukuran yang berbeza, nilai saksama akan berubah walaupun komponen penting dalam pengukuran nilai saksama boleh ditentusahkan dan mempunyai bukti objektif. Sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti ini akan menjejaskan keuntungan dan/atau ekuiti Kumpulan.

(vii) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap sekiranya untung boleh cukai pada masa hadapan berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara. Aset cukai tertunda akan disemak semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan ke tahap yang tidak lagi berkemungkinan bahawa manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten bagi semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna pakai secara konsisten oleh Entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas Penyatuan

(i) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari merupakan entiti (termasuk entiti untuk tujuan khas) di bawah kawalan Perbadanan. Penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari akan dimasukkan dalam penyata kewangan yang disatukan mulai tarikh kawalan diperolehi sehingga tarikh kawalan tersebut tamat.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari ini diukur dalam penyata kedudukan kewangan Perbadanan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

(ii) Gabungan perniagaan

Kombinasi perniagaan diambil kira menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan dari tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat:

- nilai saksama, pada tarikh pengambilalihan aset diperolehi, liabiliti yang ditanggung atau diandaikan, dan instrumen ekuiti yang dikeluarkan oleh pengambil-alih, dalam pertukaran untuk pelaksanaan pengambilalihan ke atas syarikat yang diambil alih, dan
- perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan.

Jika syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama menjadi syarikat subsidiari, Kumpulan mengukur semula kepentingan ekuiti yang dipegang sebelum ini kepada nilai saksama dan mengiktiraf keuntungan atau kerugian yang terhasil, jika ada, diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Jumlah dibawa yang dinilai semula menjadi sebahagian daripada kos penggabungan perniagaan.

Apabila kos pengambilalihan adalah lebih daripada kepentingan Kumpulan pada nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti kontingen yang diiktiraf, lebihan tersebut diiktiraf sebagai muhibbah. Apabila lebihan adalah negatif, keuntungan pembelian berpatutan diiktiraf secara serta-merta dalam penyata untung atau rugi.

Kepentingan bukan kawalan dinyatakan sama ada pada nilai saksama atau bahagian bersekadar aset bersih pengambilalihan tersebut pada tarikh pengambilalihan.

## (iii) Pengambilalihan kepentingan bukan kawalan

Kumpulan menganggap semua perubahan dalam pemilikan kepentingan dalam subsidiari yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai urus niaga ekuiti antara Kumpulan dengan kepentingan bukan kawalan itu. Sebarang perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan tersebut, dan sebarang pertimbangan yang diterima atau dibayar, diselaraskan kepada atau terhadap rizab Kumpulan.

## (iv) Kehilangan Kawalan

Apabila kawalan ke atas subsidiari hilang, Kumpulan akan mengiktiraf perbezaan di antara hasil pelupusan subsidiari dan jumlah amaun dibawa pada tarikh pelupusan. Jika Kumpulan mengekalkan kepentingan dalam bekas subsidiari, maka pelaburan itu diambil kira sebagai aset kewangan mulai tarikh entiti terhenti menjadi subsidiari, dengan syarat bahawa subsidiari tidak menjadi sebuah entiti bersekutu atau entiti kawalan bersama. Amaun dibawa pelaburan pada tarikh entiti terhenti menjadi subsidiari dianggap sebagai kos aset kewangan pada awal pengukuran.

## (v) Entiti-entiti sekutu

Entiti-entiti bersekutu adalah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan pengaruh penting tetapi tiada kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat sekutu diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti ditolak kerugian rosot nilai. Kos pelaburan termasuk kos transaksi. Penyata kewangan yang disatukan meliputi bahagian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain entiti-entiti bersekutu. Selepas pelarasan, jika ada, untuk menyesuaikan dasar perakaunan dengan dasar Kumpulan, dari tarikh pengaruh penting bermula sehingga tarikh pengaruh penting berakhir.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan selepas pengambilalihan melebihi kepentingannya dalam entiti bersekutu, jumlah dibawa kepentingan itu termasuk sebarang pelaburan jangka panjang, dikurangkan kepada sifar, dan pengiktirafan kerugian seterusnya dihentikan kecuali dalam keadaan di mana Kumpulan mempunyai tanggungjawab atau telah membuat pembayaran bagi pihak entiti bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting atas entiti bersekutu, sebarang faedah tertahan dalam bekas entiti bersekutu pada tarikh pengaruh penting hilang diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai nilai dibawa permulaan sesuatu aset kewangan. Perbezaan antara nilai saksama sebarang faedah serta hasil kutipan daripada kepentingan yang dilupusan, dan nilai dibawa pelaburan pada tarikh apabila kaedah ekuiti dihentikan diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat sekutu berkurang tetapi tidak menyebabkan kehilangan kuasa, sebarang faedah terkumpul tidak dinilai semula. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada penurunan dalam faedah diiktiraf dalam penyata untung atau rugi. Sebarang untung atau rugi yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain juga dikelaskan bersekadaran dengan untung atau rugi, jika keuntungan atau kerugian itu akan dikehendaki untuk dikelaskan semula kepada untung atau rugi atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

Pelaburan dalam syarikat sekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Perbadanan pada kos ditolak sebarang kerugian rosot nilai. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

## (vi) Entiti Usahasama

Entiti usahasama adalah entiti yang dikawal bersama di mana Kumpulan mempunyai kawalan secara bersama ke atas aktiviti ekonominya seperti termaktub di dalam persetujuan kontrak.

Entiti usahasama telah dikelaskan dan diambilkira sebagai berikut:

- Entiti usahasama dikelaskan sebagai “operasi dikawal bersama” apabila operasi usahasama melibatkan penggunaan aset dan sumber lain Kumpulan atau Perbadanan, dan bukannya penubuhan suatu perbadanan, perkongsian atau entiti lain, atau struktur kewangan yang berasingan daripada Kumpulan atau Perbadanan sendiri. Kumpulan atau Perbadanan menggunakan hartanah, loji dan peralatan sendiri dan membawa inventori sendiri. Kumpulan atau Syarikat juga menanggung perbelanjaan dan liabiliti sendiri dan memperoleh sumber kewangan sendiri, yang mewakili obligasi sendiri. Kegiatan usahasama yang dijalankan oleh kakitangan Kumpulan atau Perbadanan, bersama dengan aktiviti-aktiviti yang serupa. Kumpulan atau Perbadanan mengiktiraf aset yang dikawal dan liabiliti yang ditanggung olehnya, serta perbelanjaan yang ditanggung dan bahagian pendapatan yang diperolehinya daripada penjualan barangan atau perkhidmatan melalui usahasama itu.
- Entiti usahasama dikelaskan sebagai “aset dikawal bersama” apabila Kumpulan atau Perbadanan menyumbang satu atau lebih aset kepada usahasama yang mempunyai kawalan bersama, atau memperoleh aset dan mendedikasikan aset kepada usahasama itu. Kumpulan atau Perbadanan mengiktiraf bahagiannya dalam aset dikawal bersama, yang dikelaskan berdasarkan sifat aset, liabiliti yang perlu ditanggung, dan bahagiannya dalam liabiliti yang ditanggung bersama-sama dengan pengusahasama lain, berhubung dengan usahasama itu. Kumpulan atau Perbadanan juga mengiktiraf pendapatan yang diperolehi daripada jualan atau penggunaan bahagian pengeluaran usahasama itu, bersama sama dengan bahagian perbelanjaan yang ditanggung oleh usahasama itu, dan apa-apa perbelanjaan yang telah ditanggung berkenaan dengan kepentingannya dalam usahasama.
- Entiti usahasama dikelaskan sebagai “entiti dikawal bersama” apabila ia melibatkan penubuhan suatu perbadanan, perkongsian atau entiti lain di mana Kumpulan mempunyai kepentingan. Kumpulan mempunyai kawalan bersama ke atas aktiviti ekonomi usahasama berdasarkan pengaturan kontrak antara Kumpulan dan pengusahasama lain. Kumpulan mengambil kira kepentingannya di dalam entiti dikawal bersama tersebut dengan menggunakan kaedah ekuiti.

Kumpulan mengambil kira kepentingannya di dalam entiti usahasama tersebut dengan menggunakan kaedah ekuiti. Pelaburan dalam entiti usahasama ini diukur dalam penyata kedudukan kewangan Perbadanan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

(vii) Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan pada akhir tarikh pelaporan, mewakili ekuiti dalam syarikat subsidiari yang tidak boleh diagihkan, sama ada secara langsung atau tak langsung kepada pemegang ekuiti Perbadanan, dikemukakan dalam penyata kedudukan kewangan dalam ekuiti, berasingan daripada ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemegang saham Perbadanan. Kepentingan bukan kawalan dalam bahagian Kumpulan dibentangkan dalam penyata untung atau rugi yang disatukan dan pendapatan komprehensif lain bagi tahun tersebut di antara kepentingan bukan kawalan dengan pemegang saham Perbadanan.

Kerugian bahagian kepentingan bukan kawalan dalam subsidiari diagihkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun ini menyebabkan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit.

(viii) Transaksi dihapuskan semasa penyatuan

Baki dan transaksi antara kumpulan, termasuk pendapatan, perbelanjaan dan dividen, telah dihapuskan sepenuhnya dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan dan kerugian tidak nyata yang timbul daripada transaksi dengan entiti-entiti bersekutu yang menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dan entiti usahasama telah dihapuskan daripada pelaburan setakat kepentingan Kumpulan dalam penerima pelaburan. Kerugian tidak nyata telah dihapuskan hanya setakat menjumpai bukti mengenai rosot nilai aset dipindahkan.

## (b) Pertukaran matawang asing

Transaksi dalam matawang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian bagi setiap entiti dalam Kumpulan pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing pada akhir tempoh pelaporan ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan tidak ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut, kecuali aset dan liabiliti bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

## (c) Instrumen Kewangan

## (i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila, Kumpulan dan Perbadanan menjadi salah satu pihak dalam peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada mulanya pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali dalam pengukuran awal aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) melainkan jika pengaturan merupakan, pada hakikatnya, transaksi pembiayaan. Jika pengaturan itu menjadi suatu transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa bayaran masa hadapan yang didiskaun pada kadar faedah di pasaran bagi instrumen hutang yang serupa.

## (ii) Pengukuran berikutnya

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah yang efektif:

- (a) pulangan kepada pemegang boleh ditentukan, sebagai contohnya, amaun tetap dan/atau kadar pulangan boleh ubah menanda aras dengan kadar faedah yang disebut harga;
- (b) tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan amaun prinsipal atau faedah yang boleh diagih pada tempoh semasa atau sebelum; dan
- (c) alternatif kepada bayaran pendahuluan, jika ada, adalah tidak bergantung kepada peristiwa masa hadapan.

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan daripada tunai atau balasan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima kecuali pengaturan merupakan, pada hakikatnya, transaksi pembiayaan.

Semua aset kewangan dan liabiliti kewangan lain yang bukan diukur pada kos yang dilunaskan atau kos ditolak rosot nilai akan diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali bagi aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif kemerosotan nilai. Kerugian rosot nilai diukur seperti berikut:

- Untuk instrumen diukur pada kos yang dilunaskan, kerugian rosot nilai adalah perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset.

- Untuk instrumen diukur pada kos ditolak rosot nilai, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

(iii) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya hanya dinyahiktiraf apabila hak kontraktual kepada aliran tunai dari aset kewangan tersebut berakhir atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa kawalan dikekalkan atau sebahagian besar risiko atau ganjaran hakmilik terhadap aset kewangan tersebut. Ketika penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara amaun bawaan aset dan jumlah pertimbangan diterima, termasuk apa-apa hak dan kewajiban yang baru diwujudkan, telah diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya hanya dinyahiktiraf apabila tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah dilucutkan atau dibatalkan atau cukup tempoh. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan antara amaun bawaan liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan jumlah pertimbangan yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti dianggarkan, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya wujud.

Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset dan kos-kos lain yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada keadaan yang boleh diguna pakai untuk tujuan kegunaannya, dan kos merungkai dan mengeluarkan barangan dan memulihkan tapak di mana mereka berada. Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan buruh langsung.

Pembelian perisian yang penting kepada fungsi peralatan yang berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian-bahagian penting sesuatu item hartanah, loji dan peralatan mempunyai hayat kegunaan yang berbeza, ia diambil kira sebagai item berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan.

Untung atau rugi atas pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan jumlah dibawa hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf amaun bersih dalam “pendapatan lain” atau “perbelanjaan lain” masing-masing dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Kos berikutnya

Kos untuk menggantikan komponen sesuatu hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amaun dibawa bagi item tersebut jika ada kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam komponen tersebut akan mengalir ke Kumpulan atau Perbadanan dan kosnya boleh diukur pasti. Amaun dibawa bagi komponen yang diganti diiktiraf dalam untung atau rugi. Kos penyelenggaraan harian hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam untung atau rugi bila berlaku.

(iii) Susut nilai

Susut nilai adalah berdasarkan kos aset ditolak nilai baki. Komponen penting aset individu dinilai dan jika komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset itu, maka komponen tersebut disusutnilai berasingan.

Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah dan bangunan	2-33 1/3%
Loji dan jentera	3 1/3-16 2/3%
Kenderaan bermotor	10-33 1/3%
Peralatan pejabat dan komputer	10-50%
Perabot dan kelengkapan	10-20%

Keuntungan atau kerugian atas jualan adalah ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun pembawa aset di mana perbezanya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian dari operasi.

(e) Aset tidak ketara

(i) Muhibbah

Muhibbah timbul daripada penggabungan perniagaan dan diukur pada mulanya pada kosnya. Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan menilai muhibbah yang diperolehi dalam gabungan perniagaan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai yang terkumpul.

Muhibbah timbul daripada pengambilalihan entiti-entiti bersekutu yang mengambil kira kaedah perakaunan ekuiti dan entiti usahasama akan direkodkan sebagai sebahagian daripada amaun dibawa dari tarikh pengambilalihan. Kumpulan melaraskan bahagian keuntungan dan kerugiannya daripada entiti bersekutu dan entiti usahasama selepas pengambilalihan untuk mengambil kira pelunasan muhibbah.

(ii) Aset tidak ketara yang lain

Aset tidak ketara yang lain diukur pada kos ditolak pelunasan yang terkumpul dan rosot nilai yang terkumpul.

Aset tidak ketara yang dijana secara dalaman, termasuklah perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan, adalah perbelanjaan dalam untung atau rugi, melainkan jika ia membentuk sebahagian daripada kos aset yang lain.

(iii) Pelunasan

Pelunasan adalah berdasarkan kepada kos aset ditolak nilai baki. Pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangka hayat berguna bagi aset tidak ketara dari tarikh aset tersebut sedia untuk diguna pakai. Anggaran jangka hayat berguna untuk tempoh semasa dan sebelum adalah seperti berikut:

- Muhibbah 10 tahun

Jika ada indikasi bahawa ada perubahan dalam nilai baki atau jangka hayat berguna untuk aset tidak ketara sejak tarikh pelaporan tahunan yang lepas, Kumpulan akan mengkaji semula anggaran sebelumnya dan, jika anggaran kini berbeza, Kumpulan akan meminda nilai baki, kaedah pelunasan atau jangka hayat berguna.

(f) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pegangan pajak untuk memperolehi pendapatan sewa atau untuk peningkatan modal atau untuk kedua-duanya, tetapi bukan untuk jualan dalam perniagaan biasa, digunakan dalam pengeluaran atau bekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran.

Pelaburan hartanah diukur pada mulanya pada kos. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan pelaburan hartanah. Kos pelaburan hartanah yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan kos buruh langsung, kos lain yang berkaitan secara langsung untuk membawa pelaburan hartanah kepada keadaan berfungsi untuk tujuan penggunaannya.

Nilai saksama pelaburan hartanah tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Kos berikutnya bagi keseluruhan pelaburan hartanah telah diambil kira mengikut polisi hartanah, loji dan peralatan.

Jika ukuran nilai saksama yang boleh dipercayai tidak boleh didapati tanpa kos yang tidak wajar atau usaha yang tidak wajar untuk item pelaburan hartanah, item tersebut diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul sehingga ukuran nilai saksama yang boleh dipercayai wujud. Jumlah dibawa untuk pelaburan hartanah pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Untung atau rugi nilai saksama yang timbul daripada pengelasan semula hartanah, loji dan peralatan kepada pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pelaburan hartanah tidak diiktiraf atas pelupusannya, atau apabila ia tidak lagi digunakan dan dijangkakan tidak akan lagi memberi manfaat kepada ekonomi pada masa hadapan daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi untuk tempoh di mana item tidak diiktiraf.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos lebih rendah dan anggaran harga jualan setelah ditolak kos penyiapan dan jualan. Inventori terdiri daripada rumah, rumah kedai, dan bangunan yang siap dibina, inventori pengeluaran dan barangan setor am.

Kos inventori dikira menggunakan kaedah purata timbangan atau di atas dasar pengenalan yang tertentu.

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat mana-mana inventori yang perlu dirosotnilai dengan membuat perbandingan di antara nilai bawaan setiap item inventori atau kumpulan barangan yang sama dengan harga jualan ditolak kos penyiapan dan jualan. Sekiranya terdapat inventori atau kumpulan barangan yang sama perlu dirosotnilai, Kumpulan akan mengurangkan nilai bawaan inventori atau kumpulan barangan yang sama tersebut kepada harga jualan ditolak kos penyiapan dan jualan. Kurangan yang wujud ialah rugi rosotnilai dan akan diiktiraf dengan serta-merta ke dalam penyata untung rugi.

Sekiranya tidak praktikal untuk menentukan harga jualan setelah inventori ditolak dengan kos penyiapan dan jualan bagi setiap item, item inventori yang berkaitan dengan barisan produk yang sama yang mempunyai tujuan atau kegunaan yang sama dan dikeluarkan dan dipasarkan di kawasan geografi yang sama akan dikumpul bersama bagi menilai kemerosotan nilai inventori.

(h) Harta Hartanah

Harta hartanah meliputi tanah yang dimiliki untuk pembangunan masa depan dan dinyatakan pada kos pembelian termasuk semua kos berkaitan yang ditanggung selepas pembelian ke atas aktiviti yang diperlukan untuk menyediakan tanah tersebut untuk kegunaan yang dicadangkan.

Harta-harta sedemikian dipindahkan ke akaun projek kemajuan hartanah apabila kerja pembangunan yang besar telah dijalankan dan dijangka akan disiapkan dalam tempoh kitaran operasi biasa.

(i) Projek Kemajuan Hartanah

Kos kerja-kerja pembangunan hartanah dinyatakan sebagai projek kemajuan hartanah di dalam harta semasa atau tanggungan semasa apabila kerja-kerja pembangunan yang besar telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam tempoh kitaran operasi biasa. Projek kemajuan hartanah merangkumi kos yang berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau kos yang boleh diperuntukkan menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan aktiviti ini.



Perbelanjaan pembangunan adalah kos untuk projek kemajuan yang merangkumi kos tanah, kos bangunan, gantirugi kepada penduduk-penduduk setinggan, pembayaran faedah, ganjaran profesional dan lain-lain perbelanjaan yang meliputi aktiviti-aktiviti kemajuan. Perolehan dan keuntungan daripada aktiviti-aktiviti kemajuan hartanah diiktiraf berdasarkan kadar peratusan penyudahan kerja pembangunan ke atas unit-unit hartanah yang dijual. Kerugian yang dijangkakan diambilkira sepenuhnya apabila ianya dikenalpasti.

Tuntutan kemajuan terakru ialah perolehan projek kemajuan hartanah yang diiktiraf yang melebihi tuntutan kepada pembeli-pembeli manakala tuntutan kemajuan terdahulu ialah tuntutan kepada pembeli-pembeli melebihi perolehan projek kemajuan hartanah yang diiktiraf di dalam penyata untung rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif.

(j) Kontrak Dalam Pembinaan

Apabila hasil daripada kontrak boleh dianggarkan dengan pasti, pendapatan dan kos diiktiraf dengan merujuk kepada peratusan siap kerja aktiviti kontrak pada tarikh penyata kedudukan kewangan, diukur mengikut nisbah kos kontrak dibelanjakan bagi kerja-kerja yang terkini dijalankan kepada jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak tersebut. Perbezaan di dalam kerja-kerja kontrak dan tuntutan diambilkira hingga ke tahap jumlah yang dipersetujui dengan pelanggan.

Apabila hasil dari kontrak tidak boleh dianggarkan dengan pasti, pendapatan kontrak diiktiraf ke tahap ianya dijangka boleh diperolehi bagi kos kontrak yang telah dibelanjakan. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ianya telah dibelanjakan.

Apabila dijangkakan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah pendapatan kontrak, kerugian yang dijangka akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan segera ke dalam penyata untung rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif sebagai peruntukan untuk jangkakan kerugian.

(k) Jumlah Terhutang daripada/kepada Pelanggan Kontrak

Jumlah terhutang daripada pelanggan kontrak mewakili amaun kasar yang belum dibilkan yang dijangka akan dikutip daripada pelanggan untuk kerja-kerja kontrak yang telah disiapkan sehingga tarikh pelaporan. Ia diukur pada kos setelah ditambah keuntungan diiktiraf sehingga tarikh pelaporan dan ditolak dengan pembilan berperingkat dan kerugian diiktiraf. Kos termasuklah semua perbelanjaan langsung yang dilibatkan kepada projek-projek tertentu dan peruntukan overhead tetap dan berubah yang dilibatkan dalam aktiviti kontrak Kumpulan berdasarkan kapasiti operasi normal. Jika pembilan berperingkat melebihi kos yang ditanggung ditambah keuntungan diiktiraf, maka perbezaan tersebut dilaporkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan kontrak yang merupakan sebahagian daripada pendapatan tertunda dalam penyata kedudukan kewangan.

(l) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan-pelaburan dengan tahap kecairan yang tinggi yang mempunyai kurang risiko perubahan nilai saksama dan mempunyai tempoh matang asal selama tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Kumpulan dan syarikat dalam menguruskan komitmen kewangan mereka.

(m) Kemosotan Nilai Aset Bukan Kewangan

Amaun dibawa aset bukan kewangan (contoh: hartanah, loji dan peralatan, pelaburan hartanah dan aset tidak ketara) akan dinilai semula di akhir setiap tempoh pelaporan untuk melihat kewujudan petunjuk-petunjuk rosotnilai. Sekiranya mana-mana petunjuk sedemikian wujud, amaun boleh pulih bagi aset tersebut perlulah dianggarkan.

Bagi tujuan ujian kemosotan nilai, aset-aset dikumpulkan bersama kepada kumpulan-kumpulan aset yang kecil yang menjana tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran tunai daripada lain-lain aset atau unit

penjanaan tunai. Bagi tujuan ujian kemerosotan nilai muhibbah, unit penjanaan tunai di mana muhibbah telah diperuntukkan akan diagregatkan supaya tahap di mana ujian rosot nilai dilakukan akan mencerminkan tahap terendah di mana muhibbah akan dipantau untuk tujuan pelaporan dalaman. Muhibbah yang diperoleh daripada pengabungan, untuk tujuan ujian kemerosotan nilai, mewujudkan peruntukan kepada unit penjanaan tunai atau sekumpulan unit penjanaan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi pengabungan tersebut.

Amaun boleh pulih sesuatu aset atau unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Dalam membuat penilaian nilai yang digunakan, anggaran alir tunai masa hadapan akan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penjanaan tunai tersebut.

Rugi rosotnilai diiktiraf sekiranya nilai bawaan aset atau unit penjanaan tunai yang berkaitan melebihi jumlah anggaran amaun yang boleh diperolehi semula.

Rugi rosotnilai diiktiraf di dalam penyata untung rugi. Rugi rosotnilai diiktiraf bagi unit penjanaan tunai akan diperuntukkan terlebih dahulu bagi mengurangkan amaun bawaan mana-mana muhibbah yang diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai (kumpulan-kumpulan unit penjanaan tunai) menggunakan asas pro rata.

Kerugian rosot nilai yang disebabkan oleh muhibbah tidak boleh diterbalikkan. Berkenaan dengan aset lain, kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya telah dinilai pada akhir setiap tempoh pelaporan bagi mengesan sebarang tanda bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai diiktiraf boleh dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun belum diterima sejak kerugian rosot nilai yang lepas telah diiktiraf. Kerugian rosot nilai akan dibalikkan hanya sekiranya nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang akan ditentukan, nilai bersih susutnilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai telah diiktirafkan. Kerugian rosot nilai dikreditkan ke dalam penyata untung rugi tahun kewangan semasa di mana keterbalikan tersebut diiktiraf.

(n) Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat warga kerja jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan PKNS. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan dibayar diiktiraf bila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang, dan pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman tertakrif

Kumpulan dan Perbadanan tertakluk oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), satu badan berkanun yang menentukan pelan caruman untuk kakitangan yang layak berdasarkan kepada kadar gaji kakitangan. Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata untung rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif apabila dibelanjakan.

(iii) Ganjaran persaraan

Terdapat anak syarikat yang membiayai skim persaraan untuk kakitangan yang telah melebihi 5 tahun perkhidmatan atau kematian pekerja tersebut.

Di bawah skim ini, ganjaran persaraan juga akan diberikan kepada pekerja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun perkhidmatan pada tarikh persaraan sendiri atau atas sebab-sebab perubahan.

Ganjaran persaraan ini dikira berdasarkan kepada kadar emolumen semasa semua pekerja yang layak termasuk elaun perumahan dan jangkamasa perkhidmatan mereka sehingga tahap liabiliti kontrak anak syarikat pada akhir tahun. Peruntukan penuh dibuat untuk semua pekerja.

(o) Peruntukan

Peruntukan dibuat apabila Kumpulan atau Perbadanan menunjukkan obligasi yang sah dari segi undang-undang dan berdasarkan dari transaksi-transaksi yang lepas, yang memungkinkan aliran keluar sumber-sumber diperlukan untuk melangsaikan obligasi tersebut, dan bila anggaran munasabah bagi jumlah tersebut dapat dibuat.

(p) Perbelanjaan Tertunda

Perbelanjaan tertunda, yang mana mempunyai manfaat ekonomi, dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan. Perbelanjaan tertunda Kumpulan merangkumi:

(i) Tapak perkumuhan

Perbelanjaan yang ditanggung ke atas tapak perkumuhan dilunaskan berdasarkan penggunaan tempat perkumuhan.

(ii) Gas perkumuhan tapak

Perbelanjaan yang ditanggung projek gas perkumuhan dilunaskan sepanjang tempoh kontrak membekalkan gas perkumuhan tapak selama 4 tahun.

(q) Harta Pajakan

Harta yang diperolehi secara pajakan kewangan ditakrif sebagai sesuatu yang memindahkan risiko dan pulangan atas pemilikan harta pajakan kepada Kumpulan atau PKNS. Harta pajakan dipermodalkan pada nilai yang sama dengan jumlah pokok pajakan yang perlu dibayar. Faedah pajakan dimasukkan ke dalam penyata untung rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif berdasarkan hayat pajakan.

(r) Pendapatan

Pendapatan bagi Kumpulan meliputi jualan rumah, kedai, kilang, pangsapuri, rumah pangsa dan tanah, sewaan harta, nilai diperakui dari kontrak pembinaan dan pendapatan kemajuan hartanah dan pendapatan dari operasi hotel dan penswastan projek serta nilai agregat invoice barangan yang dijual.

Pendapatan bagi Perbadanan meliputi jualan rumah, kedai, kilang, pangsapuri, rumah pangsa dan tanah, sewaan harta, nilai diperakui dari kontrak pembinaan dan projek kemajuan hartanah dan penswastan projek.

(s) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari projek perumahan dan kontrak pembinaan jangka panjang dan jualan tanah diambilkira mengikut kaedah peratusan penyudahan kerja pembangunan berperingkat dan kaedah kesiapan keseluruhan di mana yang berpatutan.

Pendapatan dari barangan yang dijual diambilkira berdasarkan nilai invoice selepas diskaun.

Pendapatan dividen dan faedah atas pelaburan diambilkira sebagai pendapatan apabila ianya diterima.

Pendapatan sewa diambilkira mengikut kaedah akruan.

(t) Peruntukan Penutupan dan Kos Selepas Penutupan

Penutupan dan kos selepas penutupan terdiri daripada kos jangkaan yang akan ditanggung oleh Kumpulan ke atas pengisian tapak perkumuhan. Peruntukan ke atas penutupan dan kos selepas penutupan diakrakan berdasarkan kaedah sistematik sepanjang tempoh yang dijangkakan untuk menyiapkan sesuatu tapak perkumuhan.

(u) Geran-geran Daripada Kerajaan

Geran yang diterima daripada kerajaan untuk membiayai kos harta, loji dan peralatan adalah dipadankan dengan amaun dibawa harta, loji dan peralatan apabila geran tersebut telah digunakan. Pemberian ini kemudiannya dilunaskan ke penyata untung rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif mengikut jangka hayat aset berkenaan, bersamaan nisbah susutnilai yang dikenakan ke atas aset berkenaan.

(v) Kos Pinjaman

Kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi pada tempoh kos ditanggung menggunakan kaedah faedah efektif.

(w) Cukai

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat cukai tersebut adalah berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau butiran diiktiraf terus dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah cukai belum dibayar atau cukai belum terima yang dijangkakan pada cukai pendapatan atau kerugian bagi tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan ke atas cukai belum bayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf dengan menggunakan kaedah liabiliti, di atas perbezaan sementara iaitu perbezaan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai buku di dalam penyata kewangan. Walaubagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira di atas perbezaan sementara seperti berikut: pengiktirafan awal muhibbah, pengiktirafan permulaan aset atau liabiliti di dalam urusan niaga selain daripada kombinasi perniagaan yang semasa urusan niaga tersebut dan bahawa tidak menjejaskan untung atau rugi perakaunan atau boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai yang dijangkakan akan digunakan pada perbezaan sementara apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda selesai, berdasarkan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada akhir tempoh pelaporan.

Di mana hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama menurut dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2(f), jumlah cukai tertunda diiktiraf adalah ditentukan dengan menggunakan kadar cukai yang akan digunakan ke atas penjualan aset-aset pada nilai buku pada tarikh pelaporan melainkan jika harta boleh disusut nilai dan terikat dengan objektif untuk memperoleh sebahagian besar daripada manfaat ekonomi yang terkandung dalam harta itu dari masa ke masa, dan bukannya melalui jualan. Dalam semua kes-kes lain, jumlah cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan cara realisasi yang dijangkakan atau penyelesaian nilai bawaan aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaunkan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda akan diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama atas entiti boleh dicukai yang sama, atau entiti cukai yang berbeza, tetapi pihak bertujuan untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih atau cukai aset dan liabilitinya akan dikeluarkan secara serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap sekiranya untung boleh cukai pada masa hadapan berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara. Aset cukai tertunda akan disemak semula pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dikurangkan ke tahap yang tidak lagi berkemungkinan bahawa manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

(x) Operasi yang tidak Diteruskan

Operasi yang tidak diteruskan merupakan komponen Kumpulan yang telah dilupuskan atau dipegang untuk jualan yang mewakili garis utama perniagaan yang berasingan atau kawasan geografi operasi atau subsidiari yang diperolehi secara eksklusif dengan

tujuan untuk dijual semula. Apabila operasi diklasifikasikan sebagai operasi yang tidak diteruskan, penyata pendapatan komparatif untung rugi dan lain-lain pendapatan komprehensif dibentangkan semula seolah-olah operasi telah dihentikan dari permulaan tempoh komparatif.

(y) Luar Jangka

(i) Liabiliti luar jangka

Jika wujud kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi yang tidak akan diperlukan atau amaunnya tidak dapat di anggar pasti, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan wujudnya obligasi hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

(ii) Aset luar jangka

Apabila wujud kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi atau amaunnya tidak boleh dianggar pasti, aset tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai aset luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan kelayakan kewujudannya hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan, ianya juga didedahkan sebagai aset luar jangka melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis.

(z) Pihak Berkaitan

Pihak yang berkaitan dengan Kumpulan dan PKNS adalah:

(a) Seseorang atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai kaitan dengan Kumpulan dan PKNS jika:

- i. Mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas Kumpulan dan PKNS;
- ii. Mempunyai pengaruh penting ke atas Kumpulan dan PKNS;
- iii. Adalah anggota kakitangan pengurusan utama.

Anggota keluarga terdekat ialah ahli keluarga Kumpulan dan PKNS yang mempengaruhi, atau dipengaruhi dalam urusan perniagaan.

(b) Pihak yang berkaitan dengan Kumpulan dan PKNS adalah seperti berikut:

- i. Pihak Berkaitan dan Kumpulan dan PKNS adalah ahli kumpulan yang sama (yang bermaksud bahawa setiap syarikat induk, anak syarikat dan syarikat bersekutu yang mempunyai kaitan bersama).
- ii. Syarikat bersekutu atau usahasama dari Pihak Berkaitan yang lain (atau syarikat bersekutu atau usahasama anggota kumpulan yang mana Pihak Berkaitan yang lain adalah ahli).
- iii. Kedua-dua pihak mempunyai usahasama daripada pihak ketiga.
- iv. Pihak Berkaitan mempunyai usahasama dengan pihak ketiga dan Pihak Berkaitan yang lain merupakan syarikat bersekutu pihak ketiga.
- v. Pihak Berkaitan yang mendapat manfaat selepas persaraan samaada Pihak Berkaitan tersebut adalah Kumpulan dan PKNS atau yang berkaitan dengan Kumpulan dan PKNS. Jika Kumpulan dan PKNS mendapat manfaat selepas persaraan, majikan yang memberikan manfaat tersebut mempunyai kaitan dengan Kumpulan dan PKNS.

- vi. Pihak Berkaitan ini dikawal atau dikawal bersama oleh seseorang yang dikenalpasti dalam (a) di atas.
- vii. Seseorang yang dikenalpasti dalam (a)(i) di atas mempunyai pengaruh penting ke atas Kumpulan dan PKNS atau merupakan anggota kakitangan pengurusan utama Kumpulan dan PKNS.
- viii. Pihak Berkaitan atau mana-mana ahli Syarikat yang mana ia menjadi sebahagian, menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada Kumpulan dan PKNS.

